

# KPKT ANJUR WACANA TN50 SAHUT PELAKSANAAN INISIATIF TN50



Bagi menyahut mandat pelaksanaan inisiatif TN50, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Program Bicara Eksekutif Siri 3/2017: "Wacana Transformasi Nasional 2050 (TN50)" pada 19 Mei 2017 di Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya.

Program ini telah disertai oleh kira-kira 250 orang warga KPKT daripada pelbagai jabatan, bahagian dan agensi di bawah KPKT yang mana majoritinya mereka adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang berumur kurang daripada 40 tahun.

Program dimulakan dengan pendaftaran para peserta bicara



eksekutif dan Sesi *Pre-Engagement* TN50. Semasa sesi ini, para peserta diminta untuk memberi cadangan, aspirasi, keperluan dan harapan masing-masing mengenai pembentukan negara Malaysia menjelang tahun 2050 mengikut tujuh (7) teras dan tema yang telah ditetapkan.

Seterusnya, program diteruskan dengan penyampaian taklimat berkaitan TN50 dan sesi jawab oleh Encik R. Effendi bin Razali (Ketua Pegawai Eksekutif TN50).

Pada penghujung program, diadakan pula Sesi *Post-Engagement* TN50 yang mana para peserta diminta untuk memilih satu (1) daripada 27 bidang fokus yang akan menjadi keutamaan negara dalam pembentukan negara Malaysia menjelang tahun 2015.



## **PENERANGAN RINGKAS TUJUH (7) TEMA/ TERAS DAN 27 BIDANG FOKUS TN50**

### **1. PERSEKITARAN**

Persekitaran hidup yang sihat, mampan, efisien dan selamat:

- 1) Alam sekitar yang mampan dan terpelihara
- 2) Jaringan infrastruktur yang maju dan terhubung
- 3) Akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan berpatutan harganya
- 4) Keamanan dan keselamatan untuk semua rakyat

### **2. GAYA HIDUP**

Persekitaran hidup yang sihat, mampan, efisien dan selamat:

- 5) Memupuk komuniti yang berkembang maju dalam seni dan budaya
- 6) Pilihan aktiviti dan tempat rekreasi yang pelbagai
- 7) Budaya sihat dan gaya hidup aktif
- 8) Persekitaran komunal yang ramah

### **3. PENDIDIKAN/ PEMBELAJARAN**

Ekosistem pembelajaran yang relevan, menyeluruh & berterusan:

- 9) Sistem pendidikan bertaraf dunia yang menyediakan kemahiran kritikal masa hadapan
- 10) Budaya pembelajaran sepanjang hayat dan peningkatan kemahiran secara berterusan
- 11) Pendidikan holistik yang seimbang antara akademik dan kemahiran teknikal
- 12) Penyampaian pembelajaran yang efisien menerusi teknologi

### **4. NILAI MURNI**

Masyarakat yang inklusif, terbuka dan bersemangat:

- 13) Masyarakat yang terbuka, bertoleransi dan berfikiran sivik
- 14) Masyarakat yang saksama
- 15) Penghormatan terhadap warisan yang pelbagai dan berbilang budaya
- 16) Identiti nasional yang kukuh dan utuh

### **5. URUS TADBIR**

Model pentadbiran awam yang efektif dan seimbang:

- 17) Kerajaan yang efektif dan adaptif
- 18) Demokrasi yang matang dan bertenaga serta menggalakkan politik yang inklusif
- 19) Sektor sosial dan masyarakat yang dinamik

### **6. PEKERJAAN**

Ekonomi yang berdaya saing & terkedepan, dipacu oleh tenaga kerja yang berkembang maju

- 21) Produktif, inovatif & amat kompetitif
- 22) Didorong oleh kemajuan sains dan teknologi
- 23) Merupakan hub peluang pekerjaan yang relevan dan menarik

## **7. MALAYSIA DI PENTAS GLOBAL**

Pengaruh utama di pentas dunia

24) Suara Asia Tenggara

25) Contoh unggul negara Islam yang moden

26) Duta pilihan dalam aspek kemanusiaan global

27) Pemimpin dalam pertubuhan antarabangsa utama

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT